



©Sabah Tourism

Pesta Jagung, 10-11 November

Bulan ini, masyarakat Kota Marudu meraikan industri jagung, salah satu penyumbang utama ekonomi dan kehidupan di daerah tersebut. Terletak kira-kira 130km dari Kota Kinabalu, Padang Pekan Kota Marudu akan disemarakkan dengan pelbagai acara untuk dinikmati semua, termasuk pertandingan makan jagung, permainan-permainan tradisional, persembahan kebudayaan dan beberapa pameran berkaitan jagung. Salah satu tarikan unik ialah Ratu Cantik Pesta Jagung. Gadis-gadis tempatan mengenakan pakaian berilhamkan jagung dengan sentuhan kreatif. Saksikan mereka bergaya

dengan gaun pokok jagung dan subang biji jagung serta rantai yang dipadankan! Bila berada di Kota Marudu, berunjunglah ke Air Terjun Sorinsim yang terkenal, terletak 40km dari pekan utama dan Taman Tabagon, sebuah pusat kajian pertanian di Tasik Buyut. Anda juga boleh menemui stesen kuasa solar terbesar di Asia Tenggara di Kota Marudu ini. **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Daerah Jane Tan Hoi Kwan di talian 088-661321 atau Zachary Mobijohn di talian 088-232121. E-mel jane.tan@sabah.gov.my atau zachary@sabahtourism.com**



©Sabah Tourism



©Sabah Tourism

Apakah yang lebih baik daripada hidangan segar gelato yang sedap pada hari panas di Sabah? Untuk menikmati pengalaman ini, kunjungi Scoops Gelato Bar di Warisan Square di Kota Kinabalu. Bukan seperti aiskrim biasa, gelato di sini disediakan dengan segar setiap hari dalam kotak kecil 4 liter dalam satu masa, memastikan kesegaran sepenuhnya. Ia juga lebih berkrim dan kurang kandungan air berbanding aiskrim, membuatkan rasanya lebih menyerlah. Waspada kesihatan? Tiada masalah kerana Scoop Gelato Bar menggunakan ramuan semulajadi tanpa sebarang pengawet atau pewarna tiruan. Mereka yang prihatin dengan berat badan juga pasti gembira mengetahui gelato memiliki tidak lebih daripada 8 peratus lemak.

Mereka juga menyediakan sorbet bebas lemak dan gelato bebas gula (*vanilla* dan *cappuccino*). Pilihlah dari bermacam jenis perisa, daripada coklat klasik sehinggalah perisa unik seperti keju pisang! Ada lebih 60 perisa untuk dipilih dan 14 dihidangkan setiap hari secara bergilir. Lain-lain perisa termasuklah krim beri biru, *espresso*, cendawan, teh hijau, *tiramisu*, krim *Bailey*, guava merah jambu, sorbet nanas, mangga dan dadih strawberi. Scoops Gelato Bar turut menawarkan potongan 50 peratus untuk gelato terpilih jadi tanyalah pelayan anda yang peramah mengenai hidangan pilihan harian. Mahukan snek? Scoops menyediakan pelbagai jenis salad dan makanan ringan, seperti nuget ikan, sandwich dan kentang goreng. Nikmatilah hidangan ini

bersama bermacam jenis minuman –kami syorkan *Sangria*, gabungan enak bermacam jenis buah-buahan. Semua ini boleh dinikmati dalam suasana santai, sesuai untuk berkumpul bersama rakan-rakan dan keluarga selepas makan malam. Belum lagi kami sebut tentang layanannya yang mesra dan memuaskan. Jumpa anda di Scoops! Scoops Gelato Bar terletak di United no. A-G-19, Block A, Tingkat Bawah, Warisan Square (berdepan The Island Shop). Waktu perniagaan bermula 11:00 pagi hingga 11:00 malam (Isnin hingga Khamis) dan 11:00 pagi sehingga 12:00 tengahari pada Jumaat sehingga Ahad dan Cuti Umum. Untuk lebih tawaran, daftarlah untuk kad kemudahan Scoops. **Untuk maklumat lanjut, hubungi Raymond di talian 088-383337 atau 016-8362652.**

Sea Walking To Find Nemo
It's Safe, Easy and Guided
 Inclusive of boat transfer, sea walking adventure,
 digital photo and certificate.

Sea Walking

Borneo Seawalking Sdn. Bhd. (601390-A)
 Tel: 088-249115, 016-8136688 (Francis Liew), 016-8483182 (Kevin Thien) Fax: 088-249116 email: franliew@tm.net.my

www.borneoseawalking.com